

'Usah puas hati dengan kelulusan akademik'

BATU PAHAT: "Teram-pilkan kemampuan yang ada dalam diri kerana ia mampu memberi keyakinan tinggi untuk menjadi yang terbaik di kalangan terbaik," kata Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad.

Katanya, golongan mahasiswa dan mahasiswi jangan mudah berpuas hati dengan tahap akademik yang dimiliki sebaliknya sentiasa berusaha untuk mendapatkan taraf kelayakan akademik lebih tinggi tanpa mempedulikan ideologi lama.

"Jika sebelum ini, ada yang berpendapat kaum wanita tidak perlu belajar ke tahap tertinggi dengan menjadikan beberapa alasan yang tidak relevan sebagai penghalang, pecahkan tembok itu dan buktikan kenyataan itu salah sama sekali," katanya ketika merasmikan program Jom Gegar D'TF' di Universiti Tun Hussein Onn

Malaysia (UTHM) di sini, kelmarin.

Noraini berkata, menerusi program yang dijalankan itu ia secara tidak langsung menjadi landasan terbaik kepada penuntut institusi pengajian tinggi menghadapi realiti alam pekerjaan.

UTHM menerusi Kolej Kediaman Tun Fatimah, menganjurkan program yang dikendalikan penghuni kolej itu dan membuka peluang perniagaan menerusi ruangan yang disediakan.

Difahamkan, menerusi program berkenaan ia bakal melebarkan kesinambungan corak pengurusan acara seumpama itu mencakupi lima lagi kolej lain.

Sementara itu, Pengarah Projek program, Shahirah Asfarina Ab Aziz berkata, selain merapatkan hubungan antara warga kolej kediaman, ia membuka peluang kepada pelajar menunjukkan bakat menerusi pelbagai acara dan corak perniagaan dijalankan.